

Peta Daerah Kecil Labis

Latar Belakang


Majlis Daerah Labis

Pejabat Majlis Daerah Labis telah dibina di atas tapak seluas 3,000 meter persegi di atas PTB 563 HS(D) 33478 Mukim Labis. Projek bernilai RM 799,274.90 ini dimulakan pembinaannya pada 21 Oktober 1991 dan siap sepenuhnya pada 25 Ogos 1992.

Bangunan ini menerima pengubahsuaian besar pada tahun 2004 iaitu penambahan bangunan membabitkan kos sebanyak RM 189,975.00 yang melibatkan pembinaan dewan makan, dewan operasi dan surau.

Bermula dengan nama Majlis Daerah Segamat Selatan dan kemudiannya ditukar nama kepada Majlis Daerah Labis berkuatkuasa 01/01/2001, MDL beroperasi dengan autonomi kewangan, mengenakan cukai taksiran, mengeluarkan lesen dan permit perniagaan, membina, mengurus dan menyenggara infrastruktur pembangunan, kebersihan dan turut terlibat secara langsung dalam agenda pembasmian kemiskinan Bandar.

MDL kini terdiri daripada 78 kakitangan pinjaman, tetap dan kontrak yang membantu mengendalikan urusan pentadbiran dan pemasalahan rakyat di bawah pentadbiran Majlis Daerah Labis.



PEJABAT MAJLIS DAERAH LABIS

85300 LABIS, SEGAMAT

www.mdlabis.gov.my

07-9251781 (TEL)

07-9251308 (FAX)